

JAWATAN KOSONG
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Terengganu yang berkeelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut:-

1. **JAWATAN** : **PEMBANTU KHIDMAT AM (PEMANDUAN)**
Kod Skim : 4LH02
Jabatan : PELBAGAI JABATAN KERAJAAN NEGERI
TERENGGANU
Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
Kumpulan Perkhidmatan : PELAKSANA

2. **JADUAL GAJI** : **GRED H1**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,500.00	RM 4,680.00	RM 100.00

3. SYARAT LANTIKAN :

(a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(b) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00);

(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00);

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00);

(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00);

(v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 3(b).

Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan Kenderaan)

(c) (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan;

(ii) Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.